

Kepercayaan Nilai-Harapan dan Kebimbangan terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Sekolah Rendah (Tahap II)

Teo Boon Sian, Tay Yong Choo dan Chin Ngien Siong

Abstract – Motivasi membolehkan individu mempunyai kepercayaan dan keyakinan untuk melibatkan diri dengan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sesuatu bahasa seterusnya mengurangkan kebimbangan individu terhadap pembelajaran bahasa tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kepercayaan harapan, nilai subjektif dan kebimbangan murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu (BM). Peserta kajian terdiri daripada 200 orang murid sekolah rendah (103 lelaki, 97 perempuan) berumur antara 10 hingga 12 tahun (2.03 ± 0.84). Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan soal selidik *Expectancy-Value Model Questionnaire* (EVMQ; Rarujanai et al., 2020) versi Melayu yang diadaptasi dan *Malay Language Classroom Anxiety Scale* (MLCAS) versi Melayu hasil adaptasi daripada *English Language Classroom Anxiety Scale* (ELCAS; Sri Aiswaryya Achanan et al., 2021). Analisis deskriptif dan inferensi iaitu ujian-*t* sampel tidak bersandar dan ANOVA sehala telah digunakan. Dalam EVMQ, ujian-*t* sampel tidak bersandar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam nilai utiliti, $p = .001$. Selain itu, ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara tiga kumpulan umur dalam nilai pencapaian, $p < .001$, nilai utiliti, $p = .044$, nilai intrinsik, $p < .001$, dan kos, $p = .033$. Dalam MLCAS pula, ujian-*t* sampel tidak bersandar menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina. Namun demikian, ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tiga kumpulan umur dalam kebimbangan dalam komunikasi, $p = .037$, kerisauan terhadap penilaian negatif, $p = .037$, dan kebimbangan ujian penilaian, $p = .038$. Konklusinya, para guru BM digalakkan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif untuk meningkatkan kepercayaan nilai-harapan dan mengurangkan kebimbangan terhadap pembelajaran BM bagi meningkatkan prestasi pencapaian dalam kalangan murid.

Keywords – kepercayaan, kebimbangan, murid, sekolah rendah, bahasa Melayu

I. PENGENALAN

Bahasa berfungsi sebagai alat untuk berkomunikasi bagi setiap insan. Dalam hal ini, BM telah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan rasmi bagi semua warganegara Malaysia. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan BM, iaitu bahasa berperanan penting sebagai asas pembinaan negara yang utuh dan kebudayaan masyarakat yang harmoni (Zulkifley Hamid et al., 2010). Perkaranya 152 (1) telah menetapkan, mengiktiraf dan

mengisytiharkan BM sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa kebangsaan (Saraswathy et al., 2017). Didapati bahawa bidang kajian kepercayaan mempengaruhi hasil pembelajaran BM dalam kalangan murid (Banya & Cheng, 1997; Horwitz, 1988; Huang, 2006; Javadi et al., 2012). Buktinya, individu yang bermotivasi tinggi akan mempunyai kepercayaan diri yang tinggi terhadap pembelajaran BM dan sebaliknya. Ini disokong oleh Nadhilah Abdul Pital dan Kamarul Shukri Mat Teh (2018) dan Wenden (1986) menyatakan kepercayaan dapat menggalakkan dan mendorong individu tertentu untuk menetapkan tindakan yang sepatutnya bagi maju dalam pembelajaran bahasa sama ada dalam keadaan sedar mahupun tidak sedar.

Kepercayaan terhadap pembelajaran BM dapat mengurangkan kebimbangan murid terhadap pembelajaran BM. Buktinya, banyak kajian terdahulu telah dijalankan untuk mengkaji pelbagai aspek yang menyumbang kepada kebimbangan terhadap pembelajaran sesuatu bahasa (Anwar & Abdullah, 2021). Dalam pembelajaran BM, kebimbangan merupakan isu utama yang menjadi tumpuan penyelidikan ilmiah sejak awal 1970-an (Shabani, 2012). Ramai pensyarah mempunyai strategi yang pelbagai yang digunakan di dalam bilik darjah mereka untuk mengenal pasti kebimbangan murid terhadap pembelajaran BM. Menurut Riasati (2011), lebih daripada separuh murid bahasa kedua mengalami sedikit kebimbangan. Murid dikatakan mengalami kebimbangan sehingga berasa tegang dan tidak berdaya dalam menghadapi cabaran kerana mereka mempunyai tanggapan bahawa pembelajaran BM adalah kurang menyeronokkan dan prestasi mereka dipengaruhi secara negatif oleh kebimbangan terhadap pembelajaran BM (Anwar & Lousi, 2017; Zabardast, 2014). Tegasnya, kebimbangan tergolong dalam domain afektif yang berkaitan dengan aspek emosi tingkah laku manusia (Brown, 2007).

Secara keseluruhannya, BM merupakan mata pelajaran yang wajib diambil dan lulus dalam peperiksaan oleh semua murid pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam konteks ini, motivasi memainkan peranan signifikan dalam mendorong murid-murid untuk memperoleh pencapaian akademik yang positif.

II. PERNYATAAN MASALAH

Dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, kedudukan BM sebagai bahasa pengantar telah termaktub. Akta Pendidikan 1996 turut menyatakan bahawa kemajuan negara dari aspek ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai menerusi sistem pendidikan

Teo Boon Sian, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (Email address: boonsianteo@gmail.com).

Tay Yong Choo, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, (Email address: yongchoo0109@gmail.com).

Chin Ngien Siong, Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, (Email address: ngiensiong@gmail.com).

kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama serta menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama (Tay & Wong, 2016). Hal ini selaras dengan Perkara 152 perlembagaan Malaysia yang menetapkan tiga fungsi utama BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan (Nora'ien Mansor & Noor Rohana Mansoor, 2013). Dasar Pendidikan Negara turut menggariskan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam bidang penerokaan ilmu (Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan, 2019). Hal ini jelas menunjukkan bahawa BM merupakan mata pelajaran yang signifikan dalam kurikulum pendidikan, maka murid seharusnya memiliki sikap yang positif, kepercayaan yang tinggi, berkeyakinan dan sentiasa terlibat dengan aktif terhadap pembelajaran BM. Kajian tentang sikap terhadap pembelajaran BM telah banyak dikaji oleh para pengkaji (Abdul Rasid Jamian, 2010; Jeric Peter Langan & Zamri Mahamod, 2011; Sa'adiyah Maalip, 1997; Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2014; Zamri Mahamod & Zarina Othman, 2001; Zulkifly Hamid et al., 2010). Kajian-kajian tersebut adalah kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif.

Penyelidik telah menjalankan praktikum fasa satu di sebuah sekolah rendah yang terletak di daerah Kuching, Sarawak selama tiga bulan, iaitu pada 8 August hingga 4 November 2022. Sepanjang praktikum fasa satu berlangsung, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan murid mempunyai keyakinan diri yang sangat rendah dan kebimbangan yang agak tinggi terhadap pembelajaran BM dalam kalangan murid sekolah rendah. Hal ini jelas membuktikan bahawa murid-murid tidak mempunyai kepercayaan terhadap diri sendiri dalam pembelajaran BM. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa tahap penguasaan BM murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) adalah kurang memuaskan berbanding dengan murid-murid di Sekolah Kebangsaan (SK) kerana wujudnya perbezaan yang signifikan antara murid SJK dengan murid SK (Chew, 2016; Nurhidayah Mat Husin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2023). Permasalahan ini haruslah diatasi dengan segera kerana kecekapan dalam menguasai dan menggunakan BM secara gramatis amat signifikan kepada murid sekolah rendah sebagai satu laluan atau langkah awal untuk memantapkan BM dalam kalangan murid SJK dan SK (Nora'azian Nahar, 2018).

Selain itu, kepercayaan yang rendah terhadap diri sendiri dalam pembelajaran BM juga berpunca daripada kekangan kekurangan masa yang diperuntukkan untuk murid-murid menjalankan aktiviti pertuturan kerana masa yang diperuntukkan dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran BM adalah 60 minit (1 jam) sahaja. Jika diperincikan, bagi kelas yang mempunyai bilangan murid yang ramai, guru BM tidak dapat memberikan peluang kepada murid-murid untuk berkomunikasi, malah hanya beberapa orang murid akan diberikan peluang bertutur atau menjawab soalan guru disebabkan masa yang terhad. Perkara sedemikian telah menyebabkan kebanyakan murid-murid didapati tidak bermotivasi semasa proses pembelajaran BM dijalankan. Hal ini disokong oleh Lius

dan Zamri Mahamod (2021) menyatakan cabaran utama guru BM dalam PdP ialah murid kurang berbahasa Melayu sehingga membawa kepada tahap motivasi rendah dan kurang berminat untuk melibatkan diri dalam sesi PdP (Ooi & Subramaniam, 2017).

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian lalu, penyelidik mendapati bahawa kajian tentang aspek kepercayaan nilai-harapan dan kebimbangan masih kurang dikaji pada masa kini. Justeru, perkara ini telah mendorong penyelidik untuk melaksanakan kajian menggunakan pemboleh ubah kepercayaan nilai-harapan dan kebimbangan terhadap pembelajaran BM dalam kalangan murid sekolah rendah (Tahap II) yang terdiri daripada SJK. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu guru BM untuk memahami pola kepercayaan murid serta memupuk kepercayaan positif dalam diri setiap murid dengan tujuan mencapai hasil pembelajaran bahasa yang lebih memberangsangkan.

III. LITERATURE REVIEW

Terdapat dua teori yang digunakan dan diperincikan dalam kajian ini. Yang pertama, teori *Expectancy-Value Model of Achievement Choice* (Eccles et al., 1983) yang merupakan rangka kerja yang amat berguna dalam membolehkan seseorang individu untuk memahami tentang bagaimana murid melihat diri mereka sendiri dan kebolehan mereka. Yang kedua, *Theory of Foreign Language Anxiety* (Horwitz et al., 1986) yang menekankan bahawa bidang pengajian akademik lain tidak memiliki tahap konsep sendiri dan ekspresi diri yang sama seperti pembelajaran bahasa asing yang menjadikan kebimbangan jenis ini berbeza daripada kebimbangan akademik yang lain. Murid yang berprestasi baik dalam mata pelajaran lain akan mengalami kebimbangan ketika mempelajari bahasa tertentu.

Terdapat beberapa kajian lepas dari luar negara dan dalam negara berkenaan dengan kepercayaan nilai-harapan dan kebimbangan terhadap pembelajaran mata pelajaran tertentu dalam kalangan murid. Alice et al. (2016) telah mengkaji tentang hubungan antara kepercayaan nilai-harapan dan prestasi BI dalam kalangan pelajar di Metropolis Maiduguri, Negeri Borno, Nigeria. Seramai 400 pelajar (192 lelaki, 208 perempuan) dari 8 sekolah menengah, mengambil bahagian dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa korelasi matriks yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara kepercayaan harapan dan prestasi akademik ($r = .647, p = .000$), kepercayaan kesukaran tugas dan prestasi akademik ($r = .61, p = .000$), pengalaman lepas dan prestasi akademik ($r = .65, p < .001$). Ujian ANOVA yang dijalankan juga terdapat perbezaan signifikan antara pemboleh ubah yang saling berkaitan, iaitu kepercayaan harapan, kesukaran tugas, pengalaman lalu dan prestasi BI, $F(3, 392, 399) = 334.365, p < .05$.

Kluag dan Koon (2003) mengkaji hubungan antara kepercayaan keupayaan pelajar dan prestasi mereka dalam BI menggunakan sampel 1,600 pelajar kelas lima di Hong-Kong. Didapati bahawa majoriti pelajar yang menilai diri mereka mempunyai kepercayaan nilai-harapan yang rendah sebenarnya mempunyai tahap yang sama dengan

sesetengah pelajar yang menilai kebolehan yang tinggi, manakala sesetengah pelajar yang yakin dengan kemampuan mereka keupayaan sebenarnya menunjukkan prestasi yang sangat rendah. Oleh itu, Kluag dan Koon (2003) mengaitkan perkara tentang mengaitkan kes di mana kepercayaan keupayaan tinggi berkorelasi dengan prestasi tinggi dalam BI dengan kebetulan. Nwabufo (2010) pula telah menjalankan kajian tentang hubungan antara kepercayaan keupayaan pelajar, kesukaran tugas dan prestasi akademik dalam BI dengan sampel 800 pelajar diambil daripada 15 pelajar junior sekolah menengah di Owerri. Didapati bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan secara statistik antara kepercayaan kebolehan dan prestasi dalam BI. Kepercayaan keupayaan pelajar dalam BI mempengaruhi prestasi dalam ujian pemahaman, lisan dan daftar mereka.

Chin et al. (2020) telah menjalankan kajian tentang kepercayaan harapan dan nilai tugas subjektif dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Jasmani dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Malaysia. 300 orang guru pelatih (60 lelaki, 240 perempuan) yang berumur antara 18 hingga 25 tahun dengan nilai min (M) ialah 21.94 dan sisihan piawai (SP) ialah 1.64. 13.3% daripada guru pelatih berumur antara 18 hingga 19 tahun, 19.6% daripada guru pelatih berumur antara 20 hingga 21 tahun, 62.5% daripada guru pelatih berumur antara 22 hingga 23 tahun dan 4.3% daripada guru pelatih berumur antara 24 hingga 25 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina bagi kepercayaan harapan, $t = 1.191$, $p = .407$, dan nilai tugas subjektif, $t = 1.069$, $p = .629$. Ujian one-way ANOVA yang dijalankan juga tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara umur bagi kepercayaan harapan, $F = 1.005$, $p = .391$, dan nilai tugas subjektif, $F = 1.086$, $p = .355$.

Kajian reka bentuk deskriptif-kuantitatif oleh Al Ryanne Gabonada Gatcho dan Bonjovi Hassan Hajan (2019) yang mengkaji tentang kebimbangan terhadap pembelajaran BI dalam kalangan pelajar kolej Filipina dengan menggunakan soal selidik *Foreign Language Classroom Anxiety* (FLCA) yang diadaptasi daripada Horwitz et al. (1986). Soal selidik ini telah diberikan kepada seramai 150 responden (83 lelaki, 67 perempuan) yang dipilih secara rawak daripada 5 program di universiti yang terletak di Manila, Filipina untuk mengenal pasti tahap kebimbangan pelajar dari segi kerisauan dalam penilaian negatif, kebimbangan dalam komunikasi, ketakutan terhadap ujian dan kebimbangan kelas BI dan untuk menentukan faktor yang paling berkemungkinan menyebabkan kebimbangan di kalangan mereka. Dapatan kajian Al Ryanne Gabonada Gatcho dan Bonjovi Hassan Hajan (2019) juga menunjukkan bahawa kerisauan dalam penilaian negatif dan kebimbangan dalam komunikasi merupakan faktor yang paling mempengaruhi tahap kebimbangan responden.

Issa et al. (2016) telah menjalankan kajian kuantitatif yang bertujuan untuk menyalut hubungan antara kebimbangan terhadap pembelajaran BI dalam konteks Iran. Kajian ini melibatkan 400 orang pelajar universiti Ilam (200 lelaki, 200 perempuan) yang mempelajari BI di institut bahasa asing di Ilam. Peserta kajian berumur antara

21 hingga 37 tahun dan berasal dari pelbagai wilayah dan kumpulan etnik yang pelbagai seperti Kurdish, Turki dan Parsi. Ujian-T dijalankan dalam kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam aspek kebimbangan, $t(303.95) = 21.68$, $p < .001$. Lelaki ($M = 115.58$, $SP = 8.91$) mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding dengan perempuan ($M = 86.60$, $SP = 16.68$). Ini menunjukkan bahawa lelaki mengalami kebimbangan yang lebih tinggi daripada perempuan dalam pembelajaran BI.

Dapatan kajian Issa et al. (2016) adalah bertentangan dengan hasil dapatan Mesri (2012) yang menjalankan kajian tentang FLCA di Universiti Salmas Azad, Iran terhadap pembelajaran BI. Sejumlah 52 orang responden EFL Iran (20 lelaki, 32 perempuan) mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara FLCA pelajar EFL berkaitan jantina. Data dikumpulkan melalui soal selidik FLCA (Horwitz et al., 1986). Ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan antara jantina dalam FLCA, $t(50) = 7.40$, $p < .001$. Pelajar perempuan EFL Iran mempunyai skor min yang lebih tinggi dalam kesemua kategori kebimbangan berbanding dengan pelajar lelaki EFL Iran. Min bagi pelajar perempuan ialah 62, manakala min bagi pelajar lelaki ialah 45. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki EFL Iran mempunyai tahap kebimbangan yang rendah dalam pembelajaran BI.

IV. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan penggunaan instrumen soal selidik dengan pendekatan kuantitatif bagi menganalisis dapatan yang menjadikan angka sebagai dapatan kajian. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada murid sekolah rendah dari dua buah SJK dan dua buah SK. Sejumlah 420 responden (211 lelaki, 209 perempuan) yang berumur antara 10 hingga 12 tahun, iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6 yang terlibat dalam kajian ini.

Expectancy-Value Model Questionnaire (EVMQ)

Expectancy-Value Model Questionnaire (EVMQ) versi Melayu hasil adaptasi dan ubah suai daripada *Expectancy Value Model Questionnaire* versi Melayu (EVMQ; Rarujanai et al., 2020) digunakan untuk mengukur kepercayaan harapan dan nilai subjektif seseorang murid terhadap pembelajaran BM. Soal selidik ini mengandungi sebanyak 19 item yang diklasifikasikan kepada 5 konstruk, iaitu kepercayaan harapan, nilai pencapaian, nilai utiliti, nilai intrinsik dan nilai kos.

Malay Language Classroom Anxiety Scale (MLCAS)

Malay Language Classroom Anxiety Scale (MLCAS) versi Melayu hasil adaptasi daripada *English Language Classroom Anxiety Scale* (ELCAS; Sri Aiswaryya Achanan et al., 2021) juga digunakan untuk menilai kebimbangan murid-murid dalam pembelajaran BM. Soal selidik ini terdiri daripada 23 item yang dikategorikan kepada 3 konstruk, iaitu kebimbangan

komunikasi, ketakutan dalam penilaian negatif dan ujian penilaian kebimbangan. Responden dikehendaki memberikan respons bagi kesemua item dengan menggunakan skala Likert-5 mata yang diberi nilai dari 1 (Sangat tidak setuju) hingga 5 (Sangat setuju).

Bagi aspek pengumpulan data, penyelidik telah mendapat surat kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Kemudian, penyelidik telah membuat temu janji dengan pihak pengetua sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini terlebih dahulu untuk memperoleh persetujuan dan menetapkan masa yang sesuai untuk mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid yang terlibat sebagai responden di sekolah tersebut. Murid-murid telah dimaklumkan bahawa segala maklumat adalah dirahsiakan. Penyertaan responden dalam kajian ini adalah secara sukarela.

Dari segi kaedah menganalisis data, perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 28 digunakan untuk menganalisis data-data kajian. Analisis deskriptif, ujian-*t* sampel tidak bersandar dan ujian ANOVA sehalu dijalankan untuk menjawab persoalan kajian. Aras signifikan yang ditetapkan adalah pada tahap kebarangkalian $p < .05$.

V. DAPATAN

JADUAL 1: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN (N = 200)

Demografi	Kekerapan (N)	Peratusan (%)	M (SD)
Jantina			1.49 (0.50)
Lelaki	103	51.5	
Perempuan	97	48.5	
Umur			2.03 (0.84)
10	67	33.5	
11	60	30.0	
12	73	36.5	
Bangsa			2.02 (0.27)
Cina	185	92.5	
Lain-lain	15	7.5	

Jadual 1 menunjukkan data demografi responden. Terdapat 200 responden yang terdiri daripada 103 (51.5%) orang lelaki dan 97 (48.5%) orang perempuan terlibat dalam kajian ini. Demografi bagi umur pula menunjukkan 67 (33.5%) orang daripada keseluruhan responden adalah berumur 10 tahun, 60 (30.0%) orang berumur 11 tahun dan 73 (36.5%) orang berumur 12 tahun. Kebanyakan responden adalah berbangsa Cina, iaitu 185 (92.5%) orang murid, diikuti dengan bangsa lain-lain sebanyak 15 (7.5%). Kesemua responden berasal dari Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).

JADUAL 2: MIN, SISIHAN PIAWAI DAN KEBOLEHPERCAYAAN BAGI EVMQ DAN MLCAS

Faktor	M	SP	Nilai Alpha Cronbach (α)
Keseluruhan EVMQ (19 item)			.792
Kepercayaan harapan (7 item)	2.86	0.84	.791
Nilai pencapaian (3 item)	3.95	0.71	.703
Nilai intrinsik (3 item)	3.27	0.98	.857
Nilai utiliti (3 item)	4.06	0.89	.870
Nilai kos (3 item)	3.11	0.94	.640
Keseluruhan MLCAS (23 item)			.919

Kebimbangan dalam komunikasi (7 item)	2.84	0.91	.813
Kerisauan dalam penilaian negatif (9 item)	2.93	0.89	.797
Kebimbangan ujian penilaian (7 item)	3.11	0.96	.830

Nota. M = Min; SP = Sisihan Piawai.

Jadual 2 min, sisihan piawai dan kebolehppercayaan untuk EVMQ dan MLCAS. Dapatan menunjukkan nilai pekali alpha Cronbach yang diperoleh bagi EVMQ mempunyai tahap kebolehppercayaan yang sederhana hingga baik, iaitu di antara .640 hingga .897, manakala nilai pekali alpha Cronbach yang diperoleh bagi MLCAS menunjukkan tahap kebolehppercayaan dari baik hingga cemerlang, iaitu di antara .797 hingga .919.

JADUAL 3: UJIAN-T TIDAK BERSANDAR BAGI EVMQ DAN MLCAS BERDASARKAN JANTINA

Faktor	Lelaki		Perempuan		t-test	
	M	SP	M	SP	t	p
EVMQ						
Kepercayaan Harapan	2.79	0.76	2.94	0.91	-1.227 (186.991)	.221
Nilai Pencapaian	3.86	0.74	4.04	0.68	-1.729 (198)	.085
Nilai Utiliti	3.86	0.97	4.26	0.75	-3.228 (191.426)	.001*
Nilai Intrinsik	3.16	0.86	3.39	1.09	-1.675 (183.101)	.096
Nilai Kos	3.17	0.97	3.04	0.90	0.983 (198)	.327
MLCAS						
Kebimbangan dalam Komunikasi	2.89	0.94	2.79	0.87	0.797 (198)	.427
Kerisauan dalam Penilaian Negatif	2.95	0.85	2.92	0.93	0.271 (198)	.787
Kebimbangan Ujian Penilaian	3.10	0.99	3.11	0.93	-0.110 (198)	.912

Nota. M = Min; SP = Sisihan Piawai. * $p < .05$.

Jadual 3 menunjukkan ujian-t tidak bersandar bagi EVMQ dan MLCAS berdasarkan jantina. Bagi EVMQ, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi faktor kepercayaan harapan, $p = .221$, nilai pencapaian, $p = .085$, nilai intrinsik, $p = .096$, dan nilai kos, $p = .327$. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi faktor nilai utiliti, $p = .001$. Bagi MLCAS pula, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina bagi faktor kebimbangan dalam komunikasi, $p = .427$, kerisauan dalam penilaian negatif, $p = .787$, dan kebimbangan ujian penilaian, $p = .912$.

JADUAL 4: ANOVA SEHALU BAGI EVMQ DAN MLCAS BERDASARKAN UMUR

Faktor	Umur			F	p
	10	11	12		
	M (SP)	M (SP)	M (SP)		
EVMQ					
Kepercayaan Harapan	2.95 (0.88)	2.67 (0.77)	2.97 (0.83)	2.788	.064
Nilai Pencapaian	4.16 (0.74)	3.69 (0.65)	3.99 (0.67)	8.315	< .001*

Nilai Utiliti	3.94 (0.99)	3.96 (0.87)	4.29 (0.75)	3.172	.044*
Nilai Intrinsik	3.55 (1.12)	2.87 (0.79)	3.38 (0.87)	9.507	< .001*
Nilai Kos	3.06 (0.87)	3.34 (0.91)	2.92 (0.99)	3.476	.033*
MLCAS					
Kebimbangan dalam Komunikasi	3.04 (0.94)	2.86 (0.66)	2.65 (1.02)	3.353	.037*
Kerisauan dalam Penilaian Negatif	3.06 (0.89)	3.05 (0.68)	2.72 (1.00)	3.341	.037*
Kebimbangan Ujian Penilaian	3.31 (0.98)	3.13 (0.88)	2.90 (0.98)	3.326	.038*

Nota. M = Min; SP = Sisihan Piawai. * $p < .05$.

Jadual 4 menunjukkan ANOVA sehalu bagi EVMQ dan MLCAS berdasarkan umur. Bagi EVMQ, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara umur bagi kepercayaan harapan, $p = .064$. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang signifikan antara umur bagi faktor nilai pencapaian, $p < .001$, nilai intrinsik, $p < .001$, nilai kos, $p = .033$. Bagi MLCAS, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara umur bagi kebimbangan dalam komunikasi, $p = .037$, kerisauan dalam penilaian negatif, $p = .037$, dan kebimbangan ujian penilaian dengan nilai $p = .038$.

VI. PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan kepercayaan harapan, nilai pencapaian, nilai utiliti, nilai intrinsik, nilai kos, kebimbangan dalam komunikasi, kerisauan dalam penilaian negatif dan kebimbangan ujian penilaian terhadap pembelajaran BM dalam kalangan murid sekolah rendah (Tahap II) dari segi jantina dan umur. Kesignifikan dalam nilai utiliti menunjukkan bahawa nilai skor min lelaki (3.86 ± 0.97) adalah lebih rendah berbanding dengan skor min perempuan (4.26 ± 0.75), $\mu = -0.40$. Murid perempuan meletakkan nilai utiliti yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki dalam pembelajaran BM. Dapatan kajian ini selari dengan penemuan dalam kajian sebelumnya yang menunjukkan bahawa murid perempuan mempunyai tanggapan yang lebih tinggi bahawa mempelajari ilmu pengetahuan adalah berguna untuk masa depan mereka berbanding murid lelaki (Hulleman et al., 2017; Schunk et al., 2007). Oleh itu, murid perempuan lebih bermotivasi untuk terlibat dengan tugas atau aktiviti pembelajaran BM yang mereka percayai bahawa usaha mereka akan membawa kepada hasil atau pencapaian matlamat yang dihasratkan daripada murid lelaki. Ini mungkin disebabkan oleh faktor sosiobudaya, minat dan matlamat peribadi dan peluang kerjaya yang dilihat (Naderi et al., 2008). Dari segi faktor sosiobudaya, wujudnya persepsi bias dalam kalangan masyarakat yang beranggapan bahawa perempuan adalah lebih baik dalam pembelajaran BM. Perempuan juga dijangkakan mempunyai kemahiran mempelajari BM yang lebih kuat dan memaparkan kecekapan bahasa sebagai sesuatu yang perlu dan wajib untuk berjaya dalam bidang pendidikan (Noorhidayah Abu Hasim et al., 2020).

Kesignifikan menunjukkan bahawa nilai skor min murid yang berumur 10 tahun adalah lebih tinggi

berbanding dengan murid yang berumur 11 tahun dan 12 tahun bagi faktor nilai pencapaian, nilai utiliti, nilai intrinsik dan nilai kos. Murid yang berumur 10 tahun meletakkan nilai pencapaian, nilai utiliti, nilai intrinsik dan nilai kos yang lebih tinggi berbanding dengan murid yang berumur 11 tahun dan 12 tahun dalam pembelajaran BM. Hal ini turut menunjukkan bahawa murid yang berumur 10 tahun lebih menyedari tentang kepentingan mempelajari BM. Pernyataan ini disokong oleh Zulkifley Hamid et al. (2010) menyatakan BM berperanan signifikan sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia (Noraien Mansor & Noor Rohana Mansor, 2013). Oleh itu, BM wajib dipelajari oleh setiap individu tanpa mengira kaum kerana BM mewakili identiti kebangsaan rakyat Malaysia (Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan, 2019). Buktinya, mata pelajaran BM merupakan mata pelajaran yang wajib diajar di semua sekolah kerana ia bertindak sebagai aset dalam memupuk perpaduan masyarakat yang berbilang bangsa dan alat pembentukan identiti nasional di Malaysia (Mohamad Rodzi Abd Razak, 2009; Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Siti Nor Baya Mat Yacob, 2019). Hasil analisis dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan pengkaji yang terdahulu bahawa pencapaian akademik murid-murid meningkat seiring dengan peningkatan umur (Eccles et al., 1983).

Hasil dapatan kajian ini amat signifikan khususnya kepada guru-guru BM di sekolah rendah untuk mengetahui dan memahami kepercayaan dan kebimbangan murid terhadap pembelajaran BM. Dengan ini, para guru BM bolehlah menyusun strategi-strategi yang sesuai, menarik dan tepat untuk meningkatkan kepercayaan dan mengurangkan kebimbangan murid sekolah rendah terhadap pembelajaran BM dalam meningkatkan minat, motivasi dan penglibatan murid-murid secara aktif di dalam bilik darjah. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dipertimbangkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak untuk mewujudkan satu polisi yang dapat membantu meningkatkan penglibatan murid-murid dalam pembelajaran BM.

VII. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbezaan dari segi kepercayaan harapan, nilai pencapaian, nilai utiliti, nilai intrinsik, nilai kos, kebimbangan dalam komunikasi, kerisauan dalam penilaian negatif dan kebimbangan ujian penilaian dari segi jantina dan umur terhadap pembelajaran BM dalam kalangan murid sekolah rendah (Tahap II). Dari segi cadangan, penyelidik berharap kajian dalam bidang ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di semua SJK dan SK dengan melibatkan semua daerah yang terdapat di Malaysia. Selain itu, diharapkan pengkaji lain dapat teruskan dengan mengkaji perbezaan dari segi faktor EVMQ dan MLCAS antara kaum terhadap pembelajaran BM dalam kalangan murid sekolah rendah (Tahap II).

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta yang sudi terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2010). Permasalahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. *Jurnal Malaysian Education Deans' Council*, 1-20.
- Al RYanne Gabonada Gatcho & Bonjovi Hassan HAJAN. (2019). What is so scary about learning English? Investigating language anxiety among Filipino college students. *Journal of English Education and Applied Linguistics*, 8(2), 127-143.
- Alice, M. K. J., Nwachukwu, K. I., & Domiya, G. A. (2016). Expectancy beliefs and English performance of secondary school students in Maiduguri Metropolis, Borno State, Negeria. *Journal of Education and Practice*, 7(26), 62-68.
- Anwar, G., & Abdullah, N. N. (2021). Inspiring future entrepreneurs: The effect of experiential learning on the entrepreneurial intention at higher education. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 6(2), 183-194.
- Anwar, K., & Louis, R. (2017). Factors affecting students' anxiety in language learning: A study of private universities in Erbil, Kurdistan. *International Journal of Social Sciences & Educational Studies*, 4(3), 160-174.
- Banya, K., & Cheng, M. H. (1997). Beliefs about foreign language learning: A study of beliefs of teachers' and students' cross cultural settings. *31st Annual Meeting of the Teachers of English to Speakers of Other Languages*, 1- 35.
- Brown, D. H. (2007). *First language acquisition: Principles of language learning and teaching*. Pearson ESL.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Chin, N. S., Wee, E. H., Kuan, G., & Lim, B. H. (2020). Expectancy beliefs, task values, achievement motivation and motivation climate in physical education among Malaysian trainee teachers. *Physical Education in Universities: Researches – Best Practices – Situation*, 107-114.
- Eccles, J. S., Adler, T. F., Futterman, R., Goff, S. B., Kaczala, C. M., Meece, J. L., & Midgley, C. (1983). Expectancies, values and academic behaviours. In J.T. Spence (Ed.), *Achievement and achievement motives* (pg. 75–146). W.H.Freeman.
- Horwitz, E. K. (1988). The beliefs about language learning of beginning university foreign language students. *The Modern Language Journal*, 72(3), 283-294.
- Horwitz, E. K., Horwitz, M. B., & Cope, J. (1986). Foreign language classroom anxiety. *The Modern Language Journal*, 70(2), 125-132.
- Huang, Z. (2006). Learner beliefs of language learning revisited. *Sino-US English Teaching*, 3(3), 62-67.
- Hulleman, C. S., Kosovich, J. J., Barron, K. E., & Daniel, D. B. (2017). Making connections: Replicating and extending the utility value intervention in the classroom. *Journal of Educational Psychology*, 109(3), 387–404. <https://doi.org/10.1037/edu0000146>
- Issa, M. H., Saleh, A., & Gader, J. (2016). The relationship between Foreign Language Classroom Anxiety and gender in Iranian EFL context. *International Conference on Engineering and Applied Sciences*, 1-8.
- Javadi, J., Jahandar, S., & Khodabandehlou, M. (2012). A study on the relationship between Iranian EFL learners' beliefs and their writing ability. *International Journal of Applied Linguistics & English Literature*, 1(4), 161-172.
- Jerie Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(5), 13-25.
- Kluag, J., & Koon, L. (2003). Evaluation of the relationship between expectancy-value and academic achievement. <http://www.psyonline.ed>
- Lius, L., & Zamri Mahamod. (2021). Tahap tekanan guru bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 361-373.
- Mesri, F. (2012). The relationship between gender and Iranian EFL Learners' Foreign Language Classroom Anxiety (FLCA). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 2(6), 147-156.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan Sejarah dan dasar pendidikan kebangsaan. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 36, 90-106.
- Naderi, H., Abdullah, R., Hamid, T. A., & Aizan, T. (2008). Male and female intelligence among undergraduate students: Does gender matter? *Asian Journal of Scientific Research*, 1(5), 539-543.
- Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat Teh. (2018). Tahap kepercayaan pelajar sekolah menengah terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Issues in Language Studies*, 7(1), 57-75.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(4), 19-28. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i4.227>
- Noorhidayah Abu Hasim, Nurul Huda Adnan, Nor Izzuani Izhar & Abdul Muhaimin Abu Bakar. (2020). Pengaruh persekitaran dalam penggunaan strategi memori kosa kata pelajar KUIM. *Jurnal Kesidang*, 5, 1-9.
- Nora'azian Nahar. (2018). *Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraïen Mansor & Noor Rohana Mansoor. (2013). *Bahasa Melayu realiti dan harapan*. Universiti Malaysia

- Terengganu.
- Nurhidayah Mat Husin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2023). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid Tahun 1 di SJKC dari perspektif guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 279-292.
- Nwabufo, S. (2010). *Relationship between ability belief, task difficulty and academic performance*. Ebonyi State University.
- Ooi, C. H., & Subramaniam, V. (2017). Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 20, 35-45. <https://doi.org/10.33102/uij.vol20no0.39>
- Rarujanai, K., Teo, E. W., Ling, A., Chin, N. S., & Mansur. (2020). Validation of the Malay-translated expectancy value model questionnaire and multi-dimensional sportspersonship orientations scale among Malaysian adolescence field hockey players. *Cakrawala Pendidikan*, 39(1), 230-241. <https://doi.org/10.21831/cp.v39i1.26866>
- Riasati, M. J. (2011). Language learning anxiety from EFL learners' perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 7(6), 907-914.
- Sa'adiah Ma'alip. (1997). Sikap bahasa terhadap bahasa Melayu di kalangan pegawai-pegawai kilang. *Jurnal Dewan Bahasa*, 848-854.
- Saraswathy, P. P., Rohaidah, K., Paramasivam, M., Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor. (2017). Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 5(1), 45-55. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2017-0501-05>
- Schunk, D. H. (2012). *Learning theories an educational perspective*. Pearson.
- Shabani, M. B. (2012). Levels and sources of language anxiety and fear of negative evaluation among Iranian EFL learners. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(11), 2378-2383.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Siti Nor Baya Mat Yacob. (2019). Sistem pendidikan dan pemertabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. *Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami*, 299-310.
- Sri Aiswarrya Achanan, Punitha Ramuloo & Ayu Rita Mohamad. (2021). Second language speaking anxiety among TESL undergraduates in a private university. *Selangor Humaniora Review*, 5(2), 124-145.
- Tay, M. G., & Wong, S. H. (2016). Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPGKBL*, 13, 53-63.
- Wenden, A. (1986). Helping language learners think about learning. *ELT Journal*, 40(1), 3-12.
- Zabardast, S. (2014). Foreign language use anxiety in teachers' and students' attitude. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 5(4), 74-84.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioural Sciences*, 134, 408-415.
- Zamari Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2, 40-43.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. (2010). Sikap terhadap bahasa Melayu: Satu kajian kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5, 163-176.